

30 DEC 1996

Abdullah - Fujimori

ABDULLAH TEMUI PRESIDEN PERU UCAP TERIMA KASIH

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menemui President Alberto Fujimori di Lima hari ini untuk melahirkan penghargaan Malaysia kepada kerajaan Peru atas usahanya mendapatkan pembebasan duta Malaysia, Ahmad Mokhtar Selat.

Beliau berkata bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, rakyat dan kerajaan Malaysia, beliau mengucapkan terima kasih kepada Fujimori atas campurtangan kerajaannya mendapatkan pembebasan awal Ahmad Mokhtar.

"Kita berterima kasih kepadanya dan kerajaan Peru," kata beliau kepada Bernama ketika dihubungi di Lima selepas mengunjungi Presiden Peru itu di Istana Presiden.

Ahmad Mokhtar ialah antara kumpulan 20 tebusan yang dibebaskan semalam oleh gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru yang menawan kediaman duta Jepun dan menahan beratus-ratus orang sebagai tebusan pada 17 Dis lepas.

Terdahulu, Dr Mahathir memberitahu pemberita di Shah Alam bahawa beliau bergempira dengan pembebasan Ahmad Mokhtar dan berpendapat kerajaan Peru telah "bertindak dengan wajar".

Abdullah berkata beliau memberitahu Fujimori bahawa Malaysia memandang berat tentang keselamatan 83 tebusan yang masih ditahan yang menurut Abdullah, kebanyakannya para pemimpin Peru.

"Amat menyedihkan bahawa ramai tebusan masih ditahan (sebagai tebusan)," kata Abdullah sambil berkata beliau bagaimanapun yakin bahawa kerajaan Peru dapat menangani krisis itu secara aman.

Beliau berkata Kuala Lumpur menyokong usaha secara aman oleh kerajaan Peru bagi menyelesaikan krisis itu.

Abdullah juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Pendidikan Domingo Palermo yang bertindak sebagai ketua perunding kerajaan Peru dalam rundingan dengan gerila berhaluan kiri, hari ini untuk melahirkan penghargaan kerajaan atas bantuannya bagi menghasilkan pembebasan Ahmad Mokhtar.

Abdullah tiba di Lima pada Khamis untuk misi khas atas arahan Perdana Menteri bagi mendapatkan pembebasan Ahmad Mokhtar dengan selamat.

Beliau telah berlepas ke Bandaraya Mexico apabila pengumuman mengenai pembebasan Ahmad Mokhtar dibuat lima jam kemudian. Beliau kemudian menaiki penerbangan untuk kembali semula ke ibu negara Peru itu.

Abdullah dan Ahmad Mokhtar dijadual tiba di sini pada pukul 12.45 tengah hari Rabu. -- BERNAMA

ES FAZ